

SEMANGAT 1MALAYSIA SEMPENA RAMADAN



Berteraskan semangat 1Malaysia, pelajar-pelajar SPe tanpa mengira latarbelakang budaya dan agama telah berkerjasama bergotong royong menyediakan dan memasak 2 kawah bubur lambuk bersempena dengan Ramadan. Bubur Lambuk merupakan makanan popular khususnya dijadikan juadah untuk berbuka puasa di sediakan dengan ramuan serta rempah bagi menghasilkan bubur yang enak di makan. Paket-paket bungkus bubur lambuk turut di edarkan di masjid bagi santapan berbuka puasa para jemaah muslim berbuka puasa. Salah seorang pelajar yang turut sama dalam program mengacau bubur lambuk tersebut, Benny Tan turut gembira kerana turut diberi peluang mempelajari salah satu juadah tradisi yang popular khususnya bagi juadah berbuka puasa, Walaupun berlainan agama, suasana hormat menghormati sesama agama jelas terpancar melalui konsep 1Malaysia.